

24/09/1999

Perhimpunan PPP bincang formula baru

JITRA, Khamis - Parti Progresif Penduduk (PPP) Malaysia menyerahkan kepada ahlinya mengenai keputusan Mahkamah Tinggi Seremban yang membatalkan kedudukan Presiden parti.

Sehubungan itu, satu perhimpunan tergepar akan diadakan di Kuala Lumpur sebelum 31 Oktober.

Presidennya, Datuk M Kayveas, berkata perhimpunan akan dihadiri 7,400 perwakilan dari 3,700 cawangan seluruh negara.

Menurutnya, perwakilan akan berbincang dan bertukar pandangan untuk mewujudkan formula terbaru bagi menangani masalah dihadapi PPP.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan dengan ahli PPP Kubang Pasu, malam tadi, Kayveas berkata, keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan kedudukannya sebagai Presiden akan menjadi tajuk utama perbincangan perhimpunan tergepar itu.

"Setakat ini, tempat bagi mengadakan perhimpunan itu belum ditetapkan, tetapi kemungkinan di Kuala Lumpur," katanya.

Bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dan Pengerusi PPP Kedah, V Nadarajan turut hadir.

Sabtu lalu, Mahkamah Tinggi Seremban memutuskan pengiktirafan Pendaftar Pertubuhan (ROS) terhadap kedudukan Kayveas sebagai Presiden PPP terbatal dan tidak sah.

Malah anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) PPP sedia ada juga tidak sah kerana dibuat secara tidak sempurna.

Hakim Datuk Mohamed Noor Abdullah, dalam penghakimannya turut menyatakan bahawa pertukaran ibu pejabat PPP, penubuhan cawangan, logo, pertukaran nama parti dalam Bahasa Melayu dan pindaan perlembagaan adalah tidak sah.

Pengisytiharan dipohon bekas Setiausaha Agung PPP, PV Das.

Bagaimanapun, Hakim Mohamed Noor menolak permohonan Das supaya mahkamah mengisytiharkan dirinya sebagai Presiden PPP dan anggota CEC di bawah pimpinannya secara sah.

Kayveas juga berkata, beliau tetap meneruskan tugasnya sebagai presiden parti untuk menentukan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

Menurutnya, PPP turut bekerja keras bersama BN bagi mengajak pengundi memilih BN dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kekal sebagai teraju utama pemerintahan negara.

(END)